



**KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD**  
No 31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU  
Jalan Hiliran  
21000 Kuala Terengganu  
Terengganu

Tel: +609-622 1881  
Faks: +609-626 4358  
Portal Rasmi: [www.koguru.my](http://www.koguru.my)



# PROSPEKTUS SIMPANAN KHAS 2023

Ditubuhkan pada : 1965  
Sijil Pendaftaran No : 41

# PENDAHULUAN

Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad (KOGURU) merupakan sebuah koperasi yang menyediakan aktiviti utama pembiayaan dan pelbagai perniagaan lain di samping sumbangan kebajikan untuk memudahkan anggota yang berdaftar di bawah KOGURU menikmati faedah dan kelebihannya.

Pejabat induk KOGURU bertempat di bangunan miliknya sendiri yang dikenali sebagai Wisma KOGURU iaitu di 31, Tingkat Bawah, Wisma KOGURU, Jalan Hiliran, 21000 Kuala Terengganu.

Lokaliti pengoperasian Koperasi ini meliputi seluruh negeri Terengganu Darul Iman melibatkan 8 daerah yang dibahagikan kepada 10 kawasan. Manakala fungsi utamanya ialah memberi kemudahan kredit dan pelbagai aktiviti bagi menjana serta meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Sejak penubuhannya, KOGURU telah mencatat perkembangan kemajuan dan peningkatan perolehan keuntungan yang berterusan dari tahun ke tahun demi mencapai visi dan misinya. Peningkatan kemajuan KOGURU adalah disebabkan komitmen, kerjasama, penglibatan semua anggotanya serta kebijaksanaan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan kakitangan dalam mengatur strategi yang berkesan bagi memastikan kebajikan anggota didahulukan.

Produk dan perkhidmatan yang disediakan di KOGURU termasuklah Pembiayaan, Perkhidmatan Pajak Gadaai Islam (Ar Rahnu), Pengurusan dan Perniagaan Koguru Besut, Pengurusan dan Perniagaan Koguru Kemaman, Pengurusan dan Perniagaan Koguru Manir, Perkhidmatan Kesihatan Diri dan Coop Farmasi Koguru Batu Rakit, Pengurusan dan Perniagaan Koguru Kuala Nerus, Perkhidmatan Bekalan dan Perniagaan (K' Niaga), Kebajikan dan Sumbangan, Produk Keagamaan dan Hub Ez Qurban.



## 1. DATA PENTING MAKLUMAT DANA SIMPANAN KHAS

- 1.1. Melabur bagi meningkatkan ekonomi Anggota-anggota melalui Simpanan Khas (SK);
- 1.2. Memberi peluang kepada anggota yang berminat terlibat secara langsung dalam aktiviti ini;
- 1.3. Membantu Koperasi bagi mendapatkan tambahan modal dalam melaksanakan projek;
- 1.4. Tarikh pelancaran : **01 Oktober 2023**;
- 1.5. **Objektif** memperkasakan perkhidmatan dan produk dengan pelbagai aktiviti perniagaan baharu yang dapat menjanakan keuntungan. Mengutamakan prinsip, nilai dan matlamat gerakan koperasi negara dalam perancangan aktiviti. Memberi fokus kepada kesejahteraan anggota melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi dan keusahawanan;
- 1.6. Penyimpan boleh mengeluarkan wang dari akaun Simpanan Khas hanya empat bulan sekali dengan meninggalkan baki simpanan sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) dan memberi notis selama dua puluh empat jam (24) dalam borang yang disediakan oleh Koperasi;
- 1.7. Koperasi akan membayar pulangan ke atas Simpanan Khas di atas kadar yang munasabah berdasarkan baki minimum RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja) dan simpanan baki terendah setiap bulan mengikut pulangan yang diperolehi daripada pelaburan yang diluluskan Lembaga;
- 1.8. Peserta Simpanan Khas akan terikat dengan aturan ini; dan
- 1.9. Jumlah minimum Simpanan Khas bagi deposit pertama sekurang-kurangnya RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja).

## 2. STRATEGI PEMASARAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Pengurusan Koperasi akan memberi sepenuh perhatian dan memastikan setiap jawatankuasa sentiasa berjalan dengan lancar dan sebarang isu-isu berbangkit akan dibincangkan di dalam mesyuarat.

Akan mengambil tindakan yang pantas atas isu-isu berbangkit, teguran dan kritikan yang telah dibuat oleh anggota-anggota kerana ia akan memberi kesan yang buruk terhadap imej Koperasi. Oleh itu, Pengurusan mengambil tindakan yang sewajarnya atas sebarang perkara yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti dan imej KOGURU.

Strategi pemasaran memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti di masa sekarang dan juga pada masa hadapan. Antara usaha yang dilakukan oleh Koperasi ialah membuat temujanji dengan mana-mana institusi pendidikan di Negeri Terengganu untuk menyertai program LADAP dan membuka kaunter ekspres di institusi yang terlibat. Sehubungan dengan itu, bagi setiap program LADAP yang diluluskan, pihak Koperasi bersetuju menanggung sebahagian kos iaitu dengan menyediakan sumbangan makan bernilai RM7.00 seorang.

Selari dengan perkembangan dan penggunaan teknologi pada era moden ini, segala usaha dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh KOGURU adalah melalui platform media sosial iaitu *Facebook*, *Telegram* dan *Instagram*. Segala informasi, maklumat terkini dan panduan mengisi borang secara dalam talian (*online*) telah di sediakan di laman sesawang Koperasi.

## 3. PENGURUSAN STRATEGIK ORGANISASI

### 3.1. PENGENALAN

Penyumbang terbesar kejayaan KOGURU adalah kerana komitmen anggota, pengurusan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan kakitangan yang cekap menyusun strategi dalaman dan luaran Koperasi.

Faktor luaran dan dalaman yang memainkan peranan penting dalam menjamin kejayaan KOGURU di masa hadapan.

### 3.2. **ANALISIS FAKTOR LUARAN**

Faktor luaran Koperasi memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti dan kemajuan KOGURU di masa hadapan. Faktor luaran melibatkan faktor peluang dan faktor ancaman seperti berikut:

### 3.3. **PELUANG LUARAN**

#### 3.3.1. **Masih ramai warga pendidik baru yang belum menjadi anggota.**

Warga pendidik baru atau yang lama berkhidmat di institusi yang belum menjadi anggota KOGURU merupakan salah satu peluang terbesar untuk menarik perhatian mereka menyertai KOGURU.

Pengurusan KOGURU memainkan peranan penting dalam melaksanakan dan mempelbagaikan penawaran program, memperkenalkan produk, perkhidmatan dan kelebihan-kelebihan menjadi anggota untuk menarik minat warga pendidik untuk menyertai KOGURU.

#### 3.3.2. **Kerjasama baik dengan pihak pengurusan institusi yang berada di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.**

KOGURU mempunyai kerjasama yang baik dengan pihak pengurusan institusi yang berada di bawah Jabatan Pendidikan Terengganu, Pejabat Pendidikan Daerah bagi melancarkan dan memudahkan semua proses pengurusan yang berhubung dengan KOGURU.

#### 3.3.3. **Kerjasama daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).**

Pihak SKM dan ANGKASA sentiasa memberi kerjasama, bimbingan dan garis panduan untuk membantu pengurusan koperasi.

#### 3.3.4. **Kerjasama berterusan bersama rakan strategik.**

KOGURU sentiasa menjalin hubungan dengan rakan-rakan strategik seperti institusi kewangan, syarikat korporat dan rakan koperasi seluruh Malaysia.

### 3.4. **ANCAMAN LUARAN**

#### 3.4.1. **Persaingan dengan agensi kewangan.**

Agensi kewangan yang lain menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan pembiayaan yang mungkin lebih baik yang ditawarkan oleh KOGURU.

#### 3.4.2. **Anggota yang diberhentikan dan bersara awal.**

Antara ancaman yang memberi kesan buruk terhadap kualiti KOGURU apabila terdapat anggota yang diberhentikan dan bersara awal. Hal ini bukan sahaja memberi kesan buruk terhadap kualiti KOGURU malah ia akan membantutkan segala proses urusan pengoperasian antara anggota tersebut dan pihak pengurusan KOGURU.

#### 3.4.3. **Kestabilan politik dan ekonomi.**

Keadaan kestabilan politik dan ekonomi memberi kesan secara tidak langsung kepada aktiviti gerakan koperasi.

### 3.5. **ANALISIS FAKTOR DALAMAN**

Terdapat pelbagai kaedah dan teknik yang digunakan oleh KOGURU dalam memastikan setiap operasi yang dijalankan berada dalam keadaan tersusun dan terkawal. Faktor dalaman terdiri daripada faktor kekuatan dan faktor kelemahan seperti berikut :

#### 3.5.1. **KEKUATAN DALAMAN**

##### **a. Tadbir urus efisien.**

KOGURU terdiri daripada 12 Anggota Lembaga Koperasi ALK mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam sektor pendidikan, amat mementingkan perincian terhadap setiap tugas yang dilakukan oleh kakitangan. Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan kakitangan yang cekap memberikan perkhidmatan, tadbir urus efisien samada secara bersemuka atau dalam talian kepada anggota adalah penyumbang terbesar kejayaan pengurusan yang efisien.

##### **b. Koperasi premier di Terengganu.**

KOGURU merupakan koperasi premier di Terengganu dengan pencapaian anggota melebihi 12,000 orang. Terdapat banyak produk dan perkhidmatan yang disediakan iaitu pelbagai jenis pembiayaan, produk pengguna, dana kebajikan dan dermasiswa dan lain-lain. Anggota bersara aktif juga masih boleh menikmati banyak kemudahan yang disediakan oleh KOGURU.

**c. Mempunyai sistem yang efisien, mudah dan cepat.**

KOGURU mempunyai sistem yang efisien, mudah dan cepat kerana terdapat kemudahan di pejabat dan dalam talian untuk memudahkan urusan semua anggota berhubung dengan pihak KOGURU. Antara usaha yang dilakukan oleh KOGURU untuk meningkatkan kualitinya adalah dengan menyediakan kemudahan atas talian di laman web ([www.koguru.my](http://www.koguru.my)) untuk memudahkan anggota yang tinggal di luar kawasan Kuala Terengganu untuk terus berurusan dengan KOGURU kerana terdapat hampir semua borang yang diperlukan dimuat naik di laman web dan segala informasi berkaitan perkembangan KOGURU akan dimaklumkan di laman web.

**d. Operasi berasaskan Syariah.**

Pembiayaan yang ditawarkan di Koperasi merupakan syariah pembiayaan yang berasaskan Syariah 'secara Tawarruq' supaya segala perjanjian antara anggota dan KOGURU adalah jelas. Kesemua pembiayaan yang ditawarkan dilindungi oleh Tabung Jariah bagi melindungi baki hutang anggota yang membuat pembiayaan meninggal dunia.



**e. Dividen dan kebajikan.**

Dividen atas Modal Syer dan Modal Yuran kepada anggota dapat ditingkatkan dari tahun ke tahun dengan penambahan pertambahan keuntungan bersih Koperasi. Lebih banyak jumlah modal yuran dan modal syer seseorang anggota, lebih banyak keuntungan dividen yang mereka perolehi pada setiap tahun. Selain itu, pelbagai sumbangan kebajikan juga diberikan kepada anggota, pasangan anggota dan anak anggota.

**f. Anugerah dan pengiktirafan.**

Menerima anugerah Koperasi terbaik negeri Terengganu, kedudukan di dalam kelompok 100 koperasi terbaik di Malaysia (ke-22) dan diberi penarafan lima bintang (tahun 2020).

**3.5.2. KELEMAHAN DALAMAN**

**a. Sebahagian anggota tidak aktif.**

Sebahagian anggota Koperasi tidak mengambil peluang untuk membuat sebarang pembiayaan dan perkhidmatan yang disediakan.

**b. Cabaran sistem digital.**

Sistem pengurusan digital perlu ditingkatkan lagi bagi memastikan kecekapan operasi.

**4. PENAMBAHBAIKAN MASA HADAPAN**

Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad (KOGURU) memikul tanggungjawab yang besar untuk memastikan :-

- 4.1. Koperasi akan berusaha memohon tanah daripada Kerajaan Negeri untuk menjalankan aktiviti koperasi;
- 4.2. Memperkasakan tadbir urus yang efisien secara berterusan dengan menggunakan sistem berkomputer dan media elektronik bagi memenuhi pelbagai keperluan dan memberi manfaat kepada kemajuan koperasi masa hadapan;
- 4.3. Sentiasa mencari inisiatif lain untuk mempelbagaikan cara mempromosikan produk dan perkhidmatan secara dalam talian;
- 4.4. Pembinaan, penggunaan dan pembelian aset untuk dijadikan tempat penginapan tamu bagi memperluaskan aktiviti pelancongan;
- 4.5. Memperluaskan dan membuka cawangan KOGURU di semua daerah negeri Terengganu;
- 4.6. Mempelbagaikan produk keagamaan, aktiviti mengeluarkan dan memasarkan produk koperasi secara usahasama dalam bidang kesihatan, pemakanan, kecantikan, dan pelancongan yang berupaya menjana keuntungan;
- 4.7. Memperluaskan kawasan operasi koperasi ke seluruh Malaysia;
- 4.8. Penubuhan anak syarikat (subsidiari) untuk mempelbagaikan aktiviti bagi meningkatkan pendapatan KOGURU;



- 4.9. Mengadakan pelbagai kursus dan kemahiran kepada kakitangan, anggota baharu, anak anggota dan masyarakat setempat;
- 4.10. Memperkenalkan pembiayaan bercagar dan menjalankan aktiviti projek hartanah secara sendirian atau usahasama;
- 4.11. Memperkasakan perkhidmatan dan perniagaan farmasi;
- 4.12. Memperluaskan perniagaan dan perkhidmatan Pajak Gadai Islam ke lokasi yang
- 4.13. sesuai dan berdaya maju;
- 4.14. Memperluaskan perniagaan dan perkhidmatan Dobi Layan Diri ke lokasi yang sesuai dan berdaya maju;
- 4.15. Memperkasakan perkhidmatan dan perniagaan telekomunikasi;
- 4.16. Membuka perniagaan Kedai Barang Kemas (Emas) di lokasi yang sesuai dan berdaya maju; dan
- 4.17. Membuka Pusat Asuhan Kanak-Kanak Prasekolah di lokasi yang sesuai dan berdaya maju.

## **5. TUJUAN SIMPANAN KHAS**

- 5.1. Mewujudkan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan wang melalui aktiviti ini;
- 5.2. Menjalankan aktiviti ini dengan sempurna;
- 5.3. Mengawal akan perjalanan aktiviti ini; dan
- 5.4. Kumpulan modal untuk menjalankan aktiviti ini selaras dengan Bahagian III Undang-undang Kecil 9.

## **6. PESERTA SIMPANAN KHAS**

Penyertaan dalam Simpanan Khas ini terbuka kepada:

- 6.1. Anggota-anggota Koperasi ini; dan
- 6.2. Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad
- 6.3. Peserta boleh berurusan bagi mendapat khidmat nasihat di kaunter KOGURU.
- 6.4. Risalah pengiklanan Simpanan Khas



# Tawaran Simpanan Khas KOGURU

Memberi kemudahan pembiayaan dan pelbagai perniagaan di KOGURU menyumbang perolehan pendapatan dan keuntungan. KOGURU membuka peluang kepada anggota membuat simpanan khas dan mendapat pulangan 'Hibah' yang berpatutan.

**Deposit Minimum  
RM200**

## Kadar Hibah Berpatutan

- ✔ Pengeluaran Simpanan 4 Bulan Sekali
- ✔ Syarat Baki Simpanan RM500
- ✔ Sijil Pematuhan Syariah Pihak ANGKASA

Hubungi kami  
**09-622 1881**

 [koguru.terengganu@gmail.com](mailto:koguru.terengganu@gmail.com)

 [www.koguru.my](http://www.koguru.my)

## 7. MAKSUD SIMPANAN KHAS

Seseorang penyimpan boleh membuat Simpanan Khas untuk maksud berikut:

- 7.1. Menyediakan modal bagi keseluruhan aktiviti Koperasi rujukan UUK 9;
- 7.2. Melabur dan menjalankan perniagaan bagi aktiviti yang sesuai;
- 7.3. Membiayai perbelanjaan kos operasi dan promosi aktiviti; dan
- 7.4. Maksud-maksud lain yang dipersetujui oleh Lembaga.

## 8. PENGURUSAN

Pengurusan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan ini adalah terserah kepada Lembaga.

- 8.1. Lembaga Koperasi ini adalah berkuasa di bawah Undang-Undang Kecil 49 melantik jika perlu sebuah jawatankuasa ini sekurang-kurangnya 3 (tiga) orang dan diberikan tanggungjawab mengurus dan mentadbir hal-ehwal Simpanan Khas Anggota;
- 8.2. Pengerusi jawatankuasa tabung hendaklah Pengerusi Koperasi ini. Lembaga Koperasi juga berkuasa melantik pengurus dan kakitangan bagi menjalankan pengurusan projek Simpanan Khas Anggota ini; dan
- 8.3. Jawatankuasa Simpanan Khas Anggota ini hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga.

## **9. PENTADBIRAN**

Pentadbiran aktiviti ini adalah:

- 9.1. Satu akaun berasingan akan dibuat di atas nama setiap penyimpan;
- 9.2. Penyimpan boleh membuat simpanan dalam akaunnya bila-bila masa;
- 9.3. Jumlah minimum simpanan khas bagi deposit pertama sekurang-kurangnya RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja);
- 9.4. Penyimpan boleh mengeluarkan wang dari akaun Simpanan Khas hanya empat bulan sekali dengan meninggalkan baki simpanan sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) dan memberi notis selama dua puluh empat jam (24) dalam borang yang disediakan oleh Koperasi; dan
- 9.5. Koperasi akan membayar pulangan ke atas simpanan khas di atas kadar yang munasabah berdasarkan baki minimum RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja) dan simpanan baki terendah setiap bulan mengikut pulangan yang diperolehi daripada pelaburan yang diluluskan Lembaga.

## **10. AUDIT**

Pengauditan akaun aktiviti ini adalah sebahagian dari tugas-tugas Jawatankuasa Audit Dalaman dan Juruaudit Luar Koperasi ini.

## **11. LAPORAN**

Laporan mengenai aktiviti ini hendaklah dimasukkan dalam Laporan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

## **12. PERUBAHAN DASAR**


- 12.1. Sentiasa mematuhi perubahan dasar atau aturan semasa yang diputuskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau agensi yang berkaitan; dan
- 12.2. Mana-mana perubahan yang berlaku selepas Aturan Aktiviti ini diluluskan memadai dengan keputusan Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga atau Mesyuarat Khas Anggota Lembaga dan cabutan minit tersebut dilampirkan dengan Buku Aturan Aktiviti ini sebagai rujukan atau garis panduan.

**13. PERTIKAIAN**

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut Undang-undang Kecil 86.

**14. PEMAKAIAN**


Aturan-aturan in adalah tertakluk dan hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, Peraturan, Garis Panduan dan Undang-undang Kecil Koperasi. Diakui inilah Aturan-aturan yang dibentangkan dan diterima oleh Mesyuarat Agung.



Samsudin bin Ismail  
Pengerusi Kehormat



Juhari bin Ismail  
Setiausaha Kehormat



Rohadi bin Jusoh  
Bendahari Kehormat

KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD  
BANGUNAN WISMA KOGURU,  
JALAN HILIRAN,  
21000 KUALA TERENGGANU

Tarikh : 17 Jun 2023ung Perwakilan Tahunan Koperasi yang telah dibentangkan